



LIVE

Cari kata kunci



## 'Ungkai Ordinan Darurat secara rasmi di Parlimen' - Ahli akademik

Oleh Zanariah Abd Mutalib - Ogos 2, 2021 @ 2:15pm  
zanariah\_mutalib@bh.com.my



Kerajaan disaran akur kepada titah Yang di-Pertuan Agong, supaya Ordinan Darurat diungkai secara rasmi di Parlimen. - NSTP/Mohamad Shahril Badri Saali

KUALA LUMPUR: Kerajaan disaran akur kepada titah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, supaya Ordinan Darurat diungkai secara rasmi di Parlimen, pada waktu difikirkan sesuai oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Presiden Pertubuhan Intelektual Negara (PINTAR), Prof Dr Mohd Roslan Mohd Nor, berkata langkah itu perlu bagi memastikan keharmonian politik dan pemerintahan negara berterusan serta dapat berjalan lancar.

Mohd Roslan berkata, pilihannya juga berpandangan, pendekatan penuh beradab mesti dilakukan untuk menjemihkan suasana antara kelihatan sedikit keruh antara kerajaan dan institusi Istana.

"PINTAR melihat ada baiknya kerajaan dapat menguruskan hubungan dengan Istana terutama dengan Ketua Utama Negara iaitu Yang di-Pertuan Agong dapat dilakukan secara diplomasi, dengan adab dan kesopanan.

"Kami bersetuju bahawa kenyataan media terbuka Tan Sri (Muhyiddin) adalah perlu untuk menjelaskan keadaan berikutan kenyataan media terbuka Istana Negara.

"Bagaimanapun, kami dimaklumkan pihak Tan Sri sudah menghadap Yang di-Pertuan Agong dan menyatakan permohonan maaf secara rasmi terhadap kekhilafan yang berlaku tetapi kami berpandangan, permohonan maaf secara rasmi yang dimaklumkan kepada seluruh rakyat harus dibuat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) (Datuk Takiyuddin Hassan) juga kerana kedukacitaan yang dizahirkan adalah menyentuh kenyataan beliau," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Khamis lalu, Yang di-Pertuan Agong menzahirkan rasa dukacita dengan pengumuman kerajaan berkenaan pembatalan semua Ordinan Darurat kerana ia belum diperkenankan baginda.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Datuk Indera Ahmad Fadil Shamsuddin, berkata Yang di-Pertuan Agong turut menzahirkan rasa amat dukacita kerana apa yang diperkenan dan dititah kepada Takiyuddin dan Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun, ketika majlis menghadap secara maya 24 Julai lalu supaya cadangan pembatalan semua Ordinan Darurat dibentang dan dibahaskan di Parlimen bagi tujuan diungkapkan, tidak dilaksanakan.

Isnin lalu, Takiyuddin memaklumkan pada Mesyuarat Khas Dewan Rakyat yang Ordinan Darurat sudah pun dibatalkan berkuat kuasa 21 Julai.

Mohd Roslan berkata, PINTAR turut berpandangan, kenyataan media yang dikeluarkan mana-mana pihak perlu dilakukan secara berhemah supaya tidak mengeruhkan hubungan antara Institusi kerajaan dan Istana.



TERKINI

- 11m Peluang Pandelega tebus kecewa
- 13m #lawan tiada hala tuju, rumitkan keadaan
- 31m Didakwa buat komen jelik berkaitan Islam
- 34m Sarawak ketatkan SOP memasuki Fasa 3 PPN
- 39m AS tolak rancangan pilihan raya Myanmar
- 43m Adab ahli Parlimen cerminan sistem negara
- 55m PGA tahan lelaki jual rokok seludup
- 59m Kru kapal korban terbaharu COVID-19 di Singapura



TRENDING

- OLAHRAGA 2 jam yang lepas
- NASIONAL Ogs 2, 2021 @ 9:22pm
- Ramai serbu pusat suntikan secara walk-in

MYRESIPI

- RESEPI Jul 11, 2021 @ 12:43pm
- Resepi Chicken Wings Ala 4 Fingers, Lagi Jimat & Puas Makan Di Rumah
- TIPS & PETUA Jul 11, 2021 @ 12:42pm
- Tips Telur Dadar Gebu & Sedap, Hanya Guna 3 Bahan Sahaja!
- RESEPI Jul 9, 2021 @ 12:01pm
- Resepi Mudah Aiskrim Mochi, Memang Nikmat Cair Di Dalam Mulut!
- TIPS & PETUA Jul 9, 2021 @ 12:00pm
- Tips Hilangkan Karat & Kesan Kerak Pada Kualiti, Confirm Berkilat, Tak

"Kami tidak mahu saling berbalas kenyataan media ini terutama dari pihak Istana kerana kita mahu menjaga institusi diraja agar pihak yang mahu mempergunakan institusi diraja tidak ada ruang berbuat demikian.

"Kami percaya sebarang isu yang timbul boleh diselesaikan melalui kaedah perbincangan dan perundingan di antara pihak yang terbabit," katanya.

Pada masa sama, Mohd Roslan memaklumkan, PINTAR dan sebahagian besar ahli akademik seluruh negara berdiri teguh menyokong kepemimpinan Muhyiddin dan berharap beliau terus mengemudi negara sebagai Perdana Menteri sehingga tamat penggal atau waktu yang sesuai difikirkan untuk Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) diadakan.

"Kami langsung tidak bersetuju dengan tindakan sesetengah pihak yang mendesak supaya Tan Sri melepaskan jawatan seperti mana suara semasa berlangsungnya sidang Parlimen beberapa hari lalu dan suara itu didapati masih berterusan terutama oleh pihak pembangkang walaupun sudah banyak pandangan yang dikeluarkan menyokong kepemimpinan Tan Sri," katanya.

Selain itu katanya, PINTAR turut tidak bersetuju dengan saranan supaya Takiyuddin meletakkan jawatan bagi berlaku adil kepada beliau yang sudah banyak berkorban kepada kerajaan.

"Kami melihat apa yang berlaku hanyalah kekhilafan dalam proses dan bukannya penentangan terhadap nasihat Yang di-Pertuan Agong.

"Pada masa sama, untuk mengelakkan masalah dalam hubungan kerajaan dengan Istana Negara, maka bolehlah difikirkan supaya Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) ditukarkan ke portfolio lain dalam rombakan kecil Kabinet yang boleh memperkukuh kerajaan," katanya.



## OHBULAN

